

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH : 19 OKTOBER 2015
SOALAN :

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

(a)apakah perkembangan dan status terkini pembinaan hospital di Parlimen Kapar setelah lokasi tanah telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2015 sehingga 15 Oktober 2015 dan bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan pembinaan Hospital di Parlimen Kapar; dan

(b)apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2015 sehingga 15 Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu syarat kebenaran merancang untuk pelaksanaan projek perumahan Bukit Raja Fasa 2, pihak pemaju Sime Darby Sdn Bhd dikehendaki memperuntukkan tanah seluas 50 ekar untuk tujuan pembinaan hospital di Kapar. Kerajaan negeri Selangor melalui surat bertarikh 12 Januari 2015 bilangan IPK.Sel.BK.100/1/9/4 Jld.5(67) telah memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tentang kedudukan tanah Hospital Kapar seluas 50 ekar.

Pihak KKM sedang berurusan dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan keputusan mengenai kaedah pemberi milikan tanah tersebut kepada Kerajaan Persekutuan.

KKM perlu memuktamadkan pemberi milikan tapak projek terlebih dahulu sebelum projek tersebut dapat dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Naiktaraf Klinik Kesihatan Kapar telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-10 dengan kos projek sebanyak RM 20 juta. Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek ini. JKR sekarang ini dalam peringkat untuk memuktamadkan susun atur pelan bangunan bagi klinik tersebut. Projek ini dijangka dapat ditender oleh JKR pada awal bulan April 2016.

Projek Klinik Kesihatan Kapar Baru masih diperingkat akhir perancangan pelan susunatur tapak oleh pihak JKR Selangor. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, cadangan pelan susunatur tapak yang dikemukakan oleh JKR Selangor pada bulan Julai 2015 terpaksa dipinda kerana ianya melibatkan keperluan meroboh bangunan utama Klinik Kesihatan sediaada. Bangunan utama Klinik Kesihatan sediaada perlu dikekalkan agar KKM dapat terus memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Kapar sehingga Klinik Kesihatan yang baru disiapkan.

Pelan susunatur tapak Klinik Kesihatan Kapar Baru yang telah diubahsuai/ dikemaskini sedang di sediakan pihak JKR Selangor dan dijangka dapat dimuktamadkan pada pertengahan bulan November 2015. Tender projek pula dijangkakan pada awal tahun 2016. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada April 2016.